

LANGKAH-LANGKAH INTERIM UNTUK PENETAPAN SEMULA HARGA INSURANS PERUBATAN & KESIHATAN 2024 - 2026

Soalan Lazim (FAQ)

Langkah-langkah Interim berkaitan dengan Penetapan Semula Harga Perubatan MHIT

Di AmMetLife, kami komited untuk menyokong langkah-langkah interim yang baru diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi membantu pemilik-pemilik polisi yang terkesan oleh penetapan semula premium insurans perubatan dan kesihatan.

Langkah-langkah interim ini diperkenalkan untuk memastikan pemilik-pemilik polisi mendapat akses yang berterusan kepada perlindungan yang berkualiti. Matlamat kami adalah untuk membantu rakyat Malaysia mengekalkan manfaat-manfaat perubatan dan kesihatan penting yang selaras dengan keperluan penjagaan kesihatan yang semakin berkembang.

Soalan Lazim (FAQ) ini menunjukkan kemas kini utama dan memberikan penjelasan mengenai langkah-langkah interim ini. Ia berfungsi untuk membantu pemilik-pemilik polisi memahami perubahan dan implikasi yang mungkin berlaku, serta membolehkan pemilik-pemilik polisi membuat keputusan tentang perlindungan mereka.

Soalan Lazim (FAQ)

Langkah-langkah interim untuk produk MHIT (Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan)

- 1 **S : Apakah langkah-langkah interim berkaitan dengan penetapan semula harga perubatan?**
J : Langkah-langkah interim yang diumumkan adalah berkuatkuasa untuk tempoh 2024 – 2026. Berikut adalah senarai langkah-langkah yang tersedia:

- 1. *Pelarasan Premium Masa Depan Secara Berperingkat***
Semua Pengendali Insurans dan Takaful (ITOs) akan melaraskan kenaikan premium masa depan sekurang-kurangnya tiga tahun akibat daripada penetapan semula harga perubatan.
- 2. *Penangguhan Pelarasan Premium Selama Setahun untuk Pemilik-pemilik Polisi Senior (Berumur 60 tahun ke atas)***
Pemilik-pemilik polisi berumur 60 tahun ke atas, yang dilindungi di bawah pelan terendah bagi produk Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT), akan menikmati penangguhan pelarasan premium selama satu tahun berkaitan penetapan semula harga perubatan, berkuatkuasa mulai ulang tahun polisi berikutnya.
- 3. *Opsyen Pengembalian Semula Polisi***
Pemilik-pemilik polisi yang telah menyerahkan polisi mereka sepenuhnya atau kontrak tambahan perubatan yang dikenakan penetapan harga semula, atau polisi mereka yang telah luput pada tahun 2024 akibat penetapan semula harga perubatan, boleh mengembali semula polisi sepenuhnya atau kontrak tambahan perubatan yang dikenakan penetapan harga tanpa sebarang pengunderaitan dan pilihan ini adalah tersedia atas permintaan.
- 4. *Pelan-pelan Alternatif MHIT***
ITOs akan menawarkan produk perubatan dan kesihatan alternatif dalam tahun 2025 untuk memberi opsyen premium yang sama atau lebih rendah bagi pemilik-pemilik polisi yang memilih untuk tidak meneruskan produk insurans perubatan dan kesihatan yang dikenakan penetapan harga.
- 5. *Talian Sokongan Khusus***
AmMetLife telah menyediakan talian bantuan khusus untuk memberikan panduan dan menjawab pertanyaan berkaitan langkah-langkah interim ini.

Anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmaan Pelanggan di 1300 88 8800 (Chris, wakil Pusat Perkhidmatan Pelanggan) atau e-mel kami di customercare@ammetlife.com

Kelayakan

- 2 **S :** Adakah polisi saya yang terjejas oleh langkah-langkah interim ini?
J : Langkah-langkah ini terpakai untuk pemilik-pemilik polisi AmMedic Flexi Plus atau HealthCare Choice yang terjejas oleh penetapan semula harga perubatan AmMetLife dalam tempoh 2024 – 2026.

Kenaikan Premium secara Berperingkat

- 3 **S :** Apakah yang dimaksudkan dengan kenaikan premium secara berperingkat?
J : Kenaikan premium secara berperingkat adalah fleksibiliti yang ditawarkan untuk melaraskan kenaikan premium kepada jumlah yang lebih rendah, diagihkan dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun, bergantung kepada pelan insurans dan kesihatan anda. Ini hanyalah langkah-langkah bantuan sementara untuk membantu pemilik-pemilik polisi menguruskan kenaikan premium mereka dalam tempoh interim 2024-2026.

*(Nota: Langkah ini **TIDAK** berkenaan kenaikan premium disebabkan oleh perubahan dalam kumpulan umur)*

- 4 **S :** Adakah manfaat-manfaat perubatan dan kesihatan saya berubah di bawah langkah ini?
J : Tidak, manfaat-manfaat perubatan dan kesihatan anda akan kekal sama seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi anda.

- 5 **S :** Bagaimanakah langkah sementara ini akan menjejaskan penerusan polisi saya?
J : Selain daripada semakan caj insurans perubatan melalui penetapan semula harga perubatan (iaitu untuk jenis rider potongan unit), penerusan polisi pelaburan anda juga bergantung kepada pelbagai factor-faktor lain seperti prestasi dana, pembayaran premium yang konsisten, sebarang pengeluaran nilai akaun, atau penambahan nilai untuk memastikan nilai akaun polisi anda mencukupi bagi menampung semua caj insurans, yuran, dan caj-caj lain (jika ada).

Untuk memastikan perlindungan berterusan, adalah penting bagi pemilik polisi untuk membayar premium baharu atau disemak seperti yang dinyatakan dalam surat notifikasi.

Kami menggalakkan anda memantau polisi anda dari semasa ke semasa untuk memastikan nilai akaun yang mencukupi bagi mengekalkan polisi anda aktif. Sila daftar akaun di portal pelanggan kami, <https://myportal.ammethlife.com/> atau aplikasi i.AmMetLife untuk menyemak maklumat polisi anda pada bila-bila masa dan mengambil tindakan yang diperlukan untuk mengekalkan perlindungan sehingga tarikh tamat polisi. Anda juga boleh menyemak butiran polisi anda melalui annual statement.

Penangguhan Sementara Kenaikan Premium / Caj Insurans Selama Satu Tahun Disebabkan oleh Penetapan Semula Harga Perubatan

- 6 **S :** Apakah Penangguhan Sementara Premium / Caj Insurans Selama Satu Tahun?
J : Ini adalah langkah sementara yang membantu pemilik-pemilik polisi mengekalkan manfaat pelan insurans perubatan dan kesihatan mereka akibat Penetapan Semula Harga Perubatan dari tahun 2024 hingga 2026.

Di bawah langkah ini, kenaikan premium atau caj insurans pelan insurans perubatan dan kesihatan anda akan ditangguhkan sementara selama satu tahun mulai ulang tahun polisi anda yang seterusnya disebabkan oleh Penetapan Semula Harga Perubatan.

*(Nota: Penangguhan sementara satu tahun ini **TIDAK** berkenaan kenaikan premium disebabkan oleh perubahan dalam kumpulan umur)*

- 7 **S :** Siapakah yang layak untuk menikmati Penangguhan Sementara Kenaikan Premium / Caj Insurans Selama Satu Tahun ini?

J : Langkah ini berkenaan kepada pemilik-pemilik polisi AmMedic Flexi Plus atau HealthCare Choice yang terjejas oleh Penetapan Semula Harga Perubatan pada 2024-2026;

- Pemilik-pemilik polisi berusia 60 tahun ke atas yang dilindungi di bawah pelan perubatan terendah; atau

- Pemilik-pemilik polisi yang menikmati status pengecualian premium.

8 S : Apakah jenis pelan perubatan terendah yang layak untuk Penangguhan Sementara Kenaikan Premium / Caj Insurans Selama Satu Tahun ini?

J : Pelan perubatan terendah ialah:

- Pelan 1 untuk Kontrak Tambahan AmMedic Flexi Plus.
- Pelan 150 untuk Kontrak Tambahan HealthCare Choice
- Pelan 150 dengan deduktible RM 10,000 untuk HealthCare Choice (Pelan Tunggal)

9 S : Apakah yang berlaku selepas tempoh Penangguhan Sementara Kenaikan Premium / Caj Insurans Satu Tahun berakhir?

J : Selepas tempoh penangguhan sementara satu tahun, premium atau caj insurans anda mungkin akan tertakluk kepada premium / caj insurans baharu akibat Penetapan Semula Harga Perubatan. Kenaikan premium secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam soalan 3 di atas akan dikenakan kepada premium / caj insurans baharu tersebut sepanjang tempoh interim 2024-2026.

10 S : Apakah yang akan berlaku jika saya berusia 60 tahun ke atas tetapi dilindungi di bawah pelan perubatan yang lebih tinggi?

J : Jika anda berusia 60 tahun ke atas dan berada di bawah pelan yang lebih tinggi, selain daripada pelan terendah seperti yang dinyatakan dalam soalan 8 di atas, penangguhan sementara kenaikan premium atau caj insurans selama satu tahun tidak dikenakan kepada anda.

Namun, anda boleh memilih untuk menurunkan pelan kepada opsi yang lebih rendah, yang menawarkan perlindungan dan premium yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, anda diingatkan untuk menimbang dengan teliti sama ada pelan yang lebih rendah tersebut masih memenuhi keperluan perlindungan perubatan anda.

Pengembalian semula polisi atau pelan insurans perubatan dan kesihatan

11 S : Adakah polisi yang luput atau ditamatkan layak untuk memohon pengembalian semula disebabkan oleh Penetapan Semula Harga Perubatan?

J : Ya, polisi anda layak untuk dikembali semula jika;

1. Polisi anda luput atau ditamatkan pada 2024 disebabkan Penetapan Semula Harga Perubatan; atau
2. Kontrak tambahan perubatan dan kesihatan yang ditamatkan daripada polisi tanpa penggantian kontrak tambahan perubatan lain disebabkan Penetapan Semula Harga Perubatan 2024 ini.

Notes:

- Tiada pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu dikenakan untuk pengembalian semula ini.
- Setiap polisi hanya berhak untuk pengembalian semula sekali sahaja di bawah langkah-langkah interim ini yang berkaitan dengan Penetapan Semula Harga Perubatan.
- Pelan perubatan dan kesihatan yang dikembali semula adalah seperti pelan asal sebelum anda.
- Sila buat bayaran premium tertunggak dan hutang polisi kepada AmMetLife untuk pengembalian semula polisi yang telah **luput**.
- Sila buat bayaran nilai penyerahan (jika ada) dan premium tertunggak kepada AmMetLife untuk pengembalian semula polisi yang telah **diserahkan**.

12 S : Berapakah lama saya boleh memohon langkah pengembalian semula ini?

J : Anda boleh memohon langkah pengembalian semula ini selewat-lewatnya pada 30 Jun 2025 (termasuk) untuk menyetipikan semua pengunderaitan dan tempoh menunggu selepas pengembalian semula polisi di bawah langkah ini.

13 S : Apakah yang akan berlaku jika saya menyerahkan permohonan pengembalian semula ini selepas 30 Jun 2025?

J : Jika permohonan anda dikemukakan pada atau selepas 1 Julai 2025, pengembalian semula akan tertakluk pada peraturan pengunderaitan semasa. Selain itu, semua tempoh menunggu

akan dimulakan semula dari tarikh pengembalian semula, seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi anda.

Komunikasi dan Pertanyaan

14 **S : Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut?**

- J :** Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang polisi anda atau langkah-langkah interim berkaitan dengan Penetapan Semula Harga Perubatan, sila hubungi talian kami,
- Pusat Perkhidmatan Pelanggan di 1300 88 8800 (Chris, wakil Pusat Perkhidmatan Pelanggan) atau
 - emel ke customercare@ammetlife.com